

Nama : Kelas :

Bahasa
Melayu
Pemahaman
011
2017
1¼ Jam

BAHASA MELAYU – KERTAS 1

1 Jam 15 Minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.
2. Kamu dikehendaki menjawab semua soalan dalam kedua-dua bahagian ini.
3. Tiap-tiap soalan bahagian A diikuti oleh empat jawapan iaitu A, B, C dan D.
Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan kamu pada kertas jawapan objektif yang telah disediakan. Jika kamu hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.
4. Ceraikan Bahagian B daripada kertas soalan.

Kertas soalan ini mengandungi 18 halaman bercetak

[lihat halaman sebelah

Soalan 1 hingga 9

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

- 1 Generasi muda _____ zaman ini sangat hebat dalam bidang teknologi maklumat.

 A di
 B ke
 C pada
 D kepada

- 2 Pengakap Sekolah Kebangsaan Bukit Permai berjaya mengutip dana untuk persatuan _____ berjumlah RM 3000.00 bagi membiayai aktiviti tahunan persatuan itu.

 A mereka
 B kalian
 C kami
 D nya

- 3 Hanizam berasa _____ apabila melakonkan watak nenek semasa pementasan drama di sekolahnya.

 A aneh
 B gusar
 C kekok
 D angkuh

- 4 Cikgu Hardina menggunakan _____ untuk mengambil masa larian 100 meter murid-muridnya.

 A jam randik
 B jam tangan
 C jam dinding
 D jam penggera

- 5 Dina terlewat tiba di sekolah kerana _____ dalam kesesakan lalu lintas.
- A terbabas
 - B terkandas
 - C terbengkalai
 - D tergendala
- 6 Landskap bandar itu _____ oleh Majlis Bandaraya Ipoh bersempena dengan sambutan kemerdekaan tidak lama lagi.
- A terindah
 - B keindahan
 - C diperindah
 - D memperindah
- 7 Barang-barang tembaga peninggalan nenek telah _____ oleh ibu sehingga berkilat.
- A digosok
 - B digilap
 - C dicuci
 - D dilap
- 8 Biskut coklat yang dibeli oleh emak tidak enak dimakan kerana sudah _____.
- A empuk
 - B rapuh
 - C lemau
 - D basi

9 Kain batik yang dicanting itu _____ cantik sehingga memukau para pelancong.

- A sekali
- B amat
- C nian
- D benar

10 Kita perlulah mempunyai *pengetahuan* dalam bidang teknologi maklumat supaya tidak ketinggalan dalam dunia yang semakin canggih kini.

Perkataan sinonim bagi *pengetahuan* ialah ...

- A ilmu
- B kemahiran
- C pengawalan
- D pengalaman

11 Permainan tradisional perlu diketengahkan _____ lebih banyak orang meminatinya.

- A jika
- B selagi
- C untuk
- D supaya

Pilih jawapan yang paling sesuai bagi ayat tanya yang diberikan.

12 Sejak bilakah kamu terlibat dalam bidang sukan?

- A Saya terlibat dalam bidang ini sejak tahun 2012.
- B Saya memang terlibat dalam bidang ini.
- C Saya memang tidak tahu tentang bidang sukan.
- D Saya terlibat dalam bidang ini kerana saya memang meminatinya.

- 13 Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan bergaris** dengan **betul**.
- I Persekitaran yang kotor itu mencatat pemandangan di situ.
 - II Budaya buruk seperti itu hanya mencatat nama baik negara.
 - III Pasukan hoki negara mencatat sejarah apabila berjaya memenangi Piala Sultan Azlan Shah.
 - IV Azman berjaya mencatat kemenangan dalam pertandingan itu.
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

- 14 *Pilih ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberikan.*

Cincin yang tersarung pada jari manisnya itu telah dihadiahkan oleh tunangnya.

- A Tunangnya telah menghadiahkan cincin yang tersarung pada jari manisnya itu.
- B Cincin manis yang tersarung pada jarinya itu telah dihadiahkan tunangnya.
- C Tunangnya yang manis telah menghadiahkan cincin yang tersarung pada jarinya itu.
- D Tunangnya telah menghadiahkan cincin manis yang tersarung pada jarinya itu.

Pilih ayat yang betul.

- 15 A Bapa saya pemandu mini bas.
 B Adik suka makan goreng keledak.
 C Perabot di rumahnya mahal-mahal belaka.
 D Jasa para-para perajurit sentiasa dikenang.
- 16 I Encik Ramli terpaksa bersara lalu kesihatannya terganggu.
 II Pada pendapatan saya, kesihatan lebih penting daripada kekayaan.
 III Kawasan pedalaman itu sudah mendapat kemudahan asas.
 IV Hal-hal lain tentang program lawatan akan dibincangkan lagi.
- A I dan II
 B I dan III
 C II dan IV
 D III dan IV

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan yang berikutnya.

Tidak dapat kita nafikan bahawa aktiviti sukan penting dalam rutin hidup seharian. Tubuh yang cergas ialah pemangkin kepada minda yang cerdas. Jika kita kurang bersukan, tubuh akan menjadi tidak bermaya dan akan terdedah kepada jangkitan virus.

Amalan bermain bola sepak, badminton, jogging, berenang, aerobik, tenis atau olahraga ternyata dapat mengistirahatkan benak. Apabila kita berpeluh, badan kita akan mengeluarkan toksin dan proses pembakaran lemak yang terjadi pula akan bertindak mengawal masalah obesiti. Nilai-nilai kesabaran, kerjasama, hormat-menghormati, *toleransi* dan muhibah yang lahir semasa bersukan juga akan mewujudkan suasana ceria dan harmoni dalam kalangan masyarakat.

Selain mengisi masa senggang, keaktifan dalam bidang sukan juga akan menghindari kita daripada terjebak dalam budaya negatif seperti berjudi, mencuri, melepak, menagih dadah, memeras ugut, membuli, dan sebagainya.

Selain membantu melonjakkan imej diri dan mengharumkan nama sesebuah institusi, kejayaan dalam sukan juga membolehkan kita meraih pelbagai imbuhan dan ganjaran.

Ternyata, amalan riadah ini dapat membentuk generasi yang proaktif, intelek, beretika dan berwawasan untuk menjadi pemimpin pelapis pada masa-masa terkedepan.

17 Amalan-amalan baik yang dapat merehatkan minda adalah seperti yang berikut **kecuali**

- A makan makanan seimbang.
- B amalan berjoging atau berenang.
- C bermain bola sepak atau badminton.
- D amalan aerobik, bermain tenis atau bersukan.

- 18 Apakah yang akan berlaku apabila kita berpeluh?
- A Badan akan basah, melekit dan kita juga akan keletihan.
 - B Kita akan berasa tidak selesa kerana badan dibasahi peluh dan berlegas.
 - C Berat badan akan berkurangan dan kita akan lebih mudah bergerak dengan aktif.
 - D Badan kita akan mengeluarkan toksin dan proses pembakaran lemak yang terjadi dapat mengawal berat badan.
- 19 Perkataan *toleransi* membawa maksud
- A kerjasama.
 - B tolak ansur.
 - C bertimbang rasa.
 - D bantu-membantu.
- 20 Apakah mesej yang ingin disampaikan melalui petikan di atas?
- A Bersukan dapat mengharumkan nama diri dan imej sekolah.
 - B Keaktifan dalam sukan membolehkan kita meraih pelbagai imbuhan dan ganjaran.
 - C Melalui kegiatan sukan, badan akan berpeluh dan masalah obesiti dapat dihindarkan.
 - D Selain dapat menyihatkan badan, pelibatan diri dalam sukan akan menghindarkan diri daripada melakukan perkara yang negatif.

NAMA: _____ KELAS: _____

Bahasa
Melayu
Pemahaman
011/2
2017
1¼ Jam

BAHASA MELAYU – PEMAHAMAN 011
BAHAGIAN B

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis nombor kad pengenalan atau nombor sijil kelahiran dan angka giliran kamu pada petak yang disediakan.
2. Jawapan kamu hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan dalam kertas soalan ini

Serahkan bahagian B bersama sama borang jawapan objektif kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Untuk kegunaan Pemeriksa		
Kod Pemeriksa		
Nombor Soalan		Markah
21		
22	a	
	b	
	c	
23	a	
	b	
	c	
24	a	
	b	
	c	
	d	
25	a	
	b	
	c	
	d	
JUMLAH		30

BAHAGIAN B
(30 MARKAH)

Soalan 21

Tulis kata ganda yang terdapat dalam petikan.

Deena dan kawannya berbasikal di taman. Mereka melalui jalan kampung. Mereka menunggang basikal dengan berhati-hati. Cuaca pada petang itu agak panas. Ramai pengunjung yang berada di taman itu. Mereka bermain layang-layang. Coraknya sangat cantik dan berwarna-warni. Setelah puas bermain, Deena dan kawannya pulang ke rumah. Dalam perjalanan, jejari basikalnya telah rosak. Deena segera menelefon abangnya untuk membantunya.

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____
- iv. _____

[4 markah]

Soalan 22

(a) Gariskan jawapan yang paling sesuai bagi ayat di bawah.

- (i) Pak Nordin menebas semak di (sudut, belakang) rumahnya.
- (ii) Di (dalam, seberang) sungai terdapat sebuah pondok usang.

[2 markah]

(b) Tanda (✓) pada ayat yang betul dan (X) pada ayat yang salah.

i. Bangunan yang teramat tinggi itu dibina oleh jurutera tempatan. ()

ii Nurul yang paling pandai sekali dalam kalangan murid kelas Enam
Mawar. ()

[2 markah]

(c) Tukar **ayat pasif** di bawah kepada **ayat aktif**.

Ayat pasif:

Gulai itik itu dimasak oleh mereka.

Ayat aktif:

[2 markah]

Soalan 23

Baca jadual di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat yang lengkap.

Jadual Pergerakan ke Zoo Melaka

Masa	Perkara
8.00 pagi	Semua peserta berbaris untuk menaiki bas ke Zoo Melaka setelah mendengar taklimat tentang peraturan-peraturan semasa lawatan yang disampaikan oleh Cikgu Aini setengah jam sebelum bas bertolak.
9.00 pagi	Berhenti di Hentian Rehat dan Rawat Ayer Keroh dan para peserta diberi masa selama 30 minit untuk berehat dan bersarapan.
10.30 pagi	Sampai di Zoo Melaka dengan selamatnya.
10.45 pagi	Semua peserta berkumpul di hadapan Zoo Melaka sementara Cikgu Halim membeli tiket untuk memasuki zoo.
10.50 pagi	Memulakan lawatan ke Zoo Melaka dan aktiviti yang dilakukan: - Menyaksikan persembahan gajah - Memberikan makanan kepada gajah - Melihat pelbagai jenis haiwan seperti buaya, harimau, singa, burung, kancil, rusa dan sebagainya - Menaiki trem - Membeli cenderamata
1.00 tengah hari	Makan tengah hari – Makanan disediakan oleh urus setia lawatan
2.45 petang	Menyambung sesi lawatan
4.30 petang	Bertolak pulang ke Seremban

Peringatan:

1. Semua peserta perlu berada di tapak perhimpunan sekolah 30 minit sebelum bas bertolak ke destinasi lawatan.
2. Para peserta bergerak dalam kumpulan yang ditetapkan untuk mengelakkan mereka berpisah daripada rakan-rakan, di samping memudahkan guru-guru pengiring memantau dan mengawal pergerakan mereka.
3. Para peserta perlu menjaga tingkah laku dan menjaga penampilan sepanjang lawatan.

- a) Nyatakan aktiviti yang dilakukan oleh para peserta lawatan ketika berada di Hentian Rehat dan Rawat Ayer Keroh.

[2 markah]

- b) Mengapakah para peserta lawatan perlu bergerak dalam kumpulan yang ditetapkan?

[2 markah]

- c) Pada pendapat kamu, adakah semua peserta lawatan perlu menjaga tingkah laku dan penampilan sepanjang lawatan tersebut? Mengapa?

[3 markah]

Soalan 24

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat yang lengkap.

Pada hujung minggu yang lalu, Siti dan rakan-rakannya telah dibawa oleh guru mereka ke sebuah ladang penternakan. Setiap murid telah diberikan tugas. Siti ditugaskan untuk menemu ramah pegawai penternakan di ladang tersebut.

Siti : Selamat sejahtera, Cik Rozita. Apa khabar?

Rozita : Selamat sejahtera. Khabar baik.

Siti : Banyak sungguh lembu di sini, cik. Apakah jenis baka lembu ini?

Rozita : Lembu-lembu ini ialah lembu pedaging baka Brakmas.

Siti : Bolehkah Cik Rozita terangkan tentang lembu pedaging Brakmas ini?

Rozita : Lembu pedaging baka Brakmas ialah lembu yang terhasil daripada pengacukan benih lembu jantan baka Brahman dari Australia dengan benih lembu betina tempatan. Kami telah menggunakan kaedah bioteknologi untuk menghasilkan baka baharu lembu pedaging.

Siti : Oh, begitu! Apakah kelebihan lembu yang dikacukkan dengan menggunakan kaedah bioteknologi?

Rozita : Lembu pedaging baka Brakmas ini mempunyai daya tahan daripada pelbagai jenis penyakit serta boleh menyesuaikan diri dengan iklim di Malaysia.

Siti : Saya lihat semua lembu ini bersaiz besar, Cik Rozita.

Rozita : Ya, Siti. Lembu-lembu ini mempunyai 50 peratus lebih daging daripada lembu tempatan. Selain itu, lembu ini cepat membiak dan membesar.

Siti : Oh, begitu! Barulah saya faham. Terima kasih kerana sudi memberikan penerangan.

Rozita : Sama-sama


a) Cik Rozita ialah _____

[1 markah]

b) Nyatakan kelebihan lembu pedaging baka Brakmas.

[2 markah]

c) Padankan pernyataan di bawah berdasarkan petikan. Satu daripadanya telah ditunjukkan sebagai contoh.



[2 markah]

Soalan 25

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

PUISI

Jalan raya bukan tempat berlumba,
Berhati-hati ketika menggunakannya,
Jika kita leka sentiasa,
Buruk padahnya kepada pengguna.

Ketika berada di jalan raya,
Amalkan bersopan sepanjang masa,
Patuhi segala peraturannya,
Agar selamat, hidup bahagia.

Jika peraturan dipatuhi sentiasa,
Tiadalah denda akan dikenakan,
Ini menunjukkan kita peka,
Pada peraturan yang telah dicipta.

Jangan membuang sampah merata-rata,
Di atas jalan raya terutamanya,
Amalkan sikap berbudaya,
Barulah hidup sentiasa sentosa.

a) Apakah maksud rangkap pertama puisi di atas?

[2 markah]

b) Mengapakah kita perlu mematuhi segala peraturan ?

[2 markah]

c) Tandakan (\surd) bagi pernyataan yang betul dan (x) bagi pernyataan yang salah berdasarkan sajak tersebut.

Segala peraturan perlu kita patuhi.	<input type="checkbox"/>
Tiada denda akan dikenakan jika kita melanggar peraturan.	<input type="checkbox"/>

[2 markah]

Amalkan sikap berbudaya,
Barulah hidup sentiasa sentosa.

d) Terangkan maksud baris-baris puisi di atas.

[2 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT